

SEGERA

Ruj. Kami : (90)dlm.BPFK/007/1.6

Tarikh : 24 Disember 1999

Pemegang Lesen
Semua Pengilang dan Pengimport Berlesen

Tuan/Puan,

**Maklumat Tambahan Sebagai Syarat Pelesenan :
Jumlah Nilai Jualan Keluaran-Keluaran Berdaftar Bagi Tahun 1998 dan 1999**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan ini dimaklumkan bahawa pihak Biro Pengawalan Farmasetikal Kebangsaan (BPFK) telah diarah untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pasaran tempatan keluaran-keluaran berdaftar seperti di Lampiran A.
3. Permohonan maklumat-maklumat tambahan tersebut sebagai syarat pelesenan pengilang dan pengimport keluaran-keluaran berdaftar telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada mesyuarat ke 110 yang telah diadakan pada 25 November 1999.
4. Maklumat-maklumat berkenaan adalah untuk tujuan membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam perancangan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke 8 (RM 8) dan bukan untuk pengredan (ranking) pengilang atau pengimport yang dilesenkan.
5. Untuk mendapatkan data yang tepat, sila pastikan supaya maklumat berkenaan tidak bertindih atau berulang-ulang, khususnya untuk pengimport dan pendedar.
6. Sila hantarkan maklumat di Lampiran A dengan kadar segera sebelum **31 Januari 2000** kepada pihak BPFK.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“ UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI DAN KESELAMATAN “

Saya yang menurut perintah,

(**CHE MOHD. ZIN BIN CHE AWANG**)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah

Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k.
- 1) Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - 2) Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - 3) Setiausaha Sulit Kanan, Menteri Kesihatan Malaysia.

Lampiran A

Nama Syarikat : _____

Tandakan (✓) Pengilang
 Pengimport

**Jumlah Nilai Jualan Keluaran-Keluaran Berdaftar
Tahun 1998 dan 1999**

Jenis Keluaran	Nilai Jualan (RM)			
	Keluaran Tempatan		Keluaran Import	
	1998	1999	1998	1999
Keluaran Racun (A)				
Keluaran Bukan Racun (X)				
Keluaran Tradisional (T)				
Keluaran Kosmetik (K)				